

29 NOV 2002

KEDIAMAN RASMI PM DITUTUP KPD PELAWAT SEMBILAN HARI MULAI 3 DIS

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Kediaman rasmi Perdana Menteri, Kompleks Seri Perdana, akan ditutup kepada pelawat selama sembilan hari mulai Selasa depan sehingga 11 Dis bagi kerja persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Seri Perdana akan hanya dibuka kepada orang ramai semasa "rumah terbuka" pada hari raya pertama dalam tempoh tersebut, menurut kenyataan akhbar Pejabat Perdana Menteri hari ini.

Katanya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan rumah terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri di Seri Perdana dari pukul 9.30 pagi hingga 6 petang pada Hari Raya pertama.

-- BERNAMA

HK AHH NMO